



# Polisi Group Personal Accident

Polisi Group Personal Accident anda akan memberi ganti rugi kepada anda ke atas kecederaan anggota yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan (contohnya kakitangan/pekerja/ahli anda) disebabkan kemalangan, di mana kecederaan berkenaan adalah satu-satunya dan bukannya sebab-sebab lain yang mengakibatkan mereka mengalami kematian atau hilang upaya atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau rawatan pembedahan.

## Had Umur

Berumur 16 tahun hingga 65 tahun

## Manfaat-manfaat

- Kematian
- Hilang upaya kekal
- Hilang upaya menyeluruh/separa kekal (Pilihan)
- Rawatan Perubatan dan Pembedahan (Pilihan)
- Pendapatan Hospital (Pilihan)

Nota : Manfaat-manfaat lain adalah berbeza bergantung kepada keperluan Pihak Diinsuranskan.

## Pengecualian Utama

- Perang atau risiko berkaitan
- Membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaannya
- Kecacatan atau kelemahan mental atau fizikal pra-wujud
- Penyakit, infeksi, Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), Virus Kekurangan Pelalian Pada Manusia (HIV) dan/atau penyakit berkaitan dengan HIV
- Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- Terbang sebagai juruterbang atau krew dalam mana-mana pesawat udara yang bukan sebagai penumpang membayar tambang dalam sesebuah pesawat udara yang dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan membawa penumpang
- Tindakan jenayah
- Semua jenis aktiviti sukan profesional
- Aktiviti sukan berbahaya seperti mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali, menjelajah gua, payung terjun, luncur tangan, memburu, semua jenis perlumbaan (melainkan dengan kaki), menyelam skuba, terjun lelabah (bungee) dan papan luncur air
- Kemalangan radioaktif dan bahan senjata nuklear

Sila rujuk Polisi Group Personal Accident anda untuk senarai penuh pengecualian.

## Asas Jumlah Diinsuranskan

Insurans Kemalangan Diri adalah sejenis polisi manfaat, jadi tiada garis panduan terhadap jumlah diinsuranskan yang memadai untuk melindungi seseorang Orang Yang Diinsuranskan. Secara umumnya, jumlah diinsuranskan biasanya ditentukan berdasarkan tiga hingga lima kali ganda pendapatan tahunan bagi Orang Yang Diinsuranskan.

Berikut hanyalah satu garis panduan untuk menentukan jumlah diinsuranskan :

1)	Kematian & Hilang Upaya Kekal	Pihak Diinsuranskan bebas memilih sebarang jumlah sebagai jumlah modal diinsuranskan tetapi tidak melebihi 8 kali ganda pendapatan tahunan Pihak Diinsuranskan.
----	-------------------------------	---

2)	Hilang Upaya menyeluruh sementara (TTD) - setiap minggu	Jumlah yang akan diinsuranskan di bawah manfaat ini adalah berdasarkan 75% daripada pendapatan mingguan
3)	Hilang Upaya separa sementara - setiap minggu	Jumlah yang akan diinsuranskan di bawah manfaat ini adalah berdasarkan 50% daripada TTD
4)	Perbelanjaan Perubatan	Pihak Diinsuranskan bebas memilih sebarang jumlah. Biasanya antara 5 hingga 10 peratus daripada jumlah modal diinsuranskan

#### Klasifikasi Pekerjaan

Kadarnya adalah berdasarkan pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan dan klasifikasi pekerjaan berikut hanya sebagai satu garis panduan :

- Kelas 1 - Orang yang melibatkan diri dalam bidang profesional, pentadbiran, pengurusan, perkeranian dan kerja bukan dijalankan dengan tangan, contohnya akauntan, penjual bunga, kerani, cikgu
- Kelas 2 - Orang yang melibatkan diri dalam kerja bersifat penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja dijalankan dengan tangan dan staf jualan, contohnya ejen (terlibat dalam pengembaraan), tukang masak, pembantu kedai
- Kelas 3 - Orang yang melibatkan diri dalam kerja dijalankan dengan tangan yang melibatkan penggunaan perkakas atau jentera, contohnya pengecat, penghantar, mekanik yang mahir, pembaik motor

#### Kewajipan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### Sumbangan

- Jika timbulnya Perbelanjaan Perubatan mesti dibayar di bawah polisi ini, terdapat mana-mana insurans lain yang memberi perlindungan ke atas manfaat yang sama, maka pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi perkadaran setimpal bagi mana-mana tuntutan sedemikian.

#### Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar kepada pengantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**)
- Sila minta resit bagi premium yang dibayar
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian

## APA YANG HARUS ANDA LAKUKAN Sekiranya Berlaku Kecederaan

### Pemberitahuan Tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika terlibat dalam kemalangan yang serius, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

### Pengemukakan Tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika adjuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

### Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan

- Anda dikehendaki memberikan jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

### Pampasan / Indemniti

- Pihak kami akan membayar ganti rugi ke atas kematian atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal) berasaskan "Jadual Manfaat" yang dilampirkan pada polisi ini. Bagaimanapun, bagi tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, anda akan dibayar ganti rugi berdasarkan asas bayaran balik ke atas jumlah sebenar yang ditanggung anda dengan tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam polisi ini. Anda tidak boleh membuat tuntutan berbilang terhadap perbelanjaan perubatan.

## BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



#### Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmteleshop@bnm.gov.my](mailto:bnmteleshop@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine serta produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.